



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENSYUKURI NIKMAT, MELESTARIKAN SUNGAI"

24 September 2021 / 17 Safar 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلِ:

وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَارًا وَسُبُلًا لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ²

Maksudnya: Dan Dia memacakkan gunung-ganang di bumi supaya bumi itu tidak goncang bersama kamu, (dan Dia menciptakan) sungai-sungai dan jalan-jalan agar kamu mendapat petunjuk.
(Surah An-Nahl ayat 15)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ⁴ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperkukuhkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya, mudah-mudahan kita menjadi contoh ikutan terbaik dalam kalangan umat. Sempena Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2021, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk "**MENSYUKURI NIKMAT, MELESTARIKAN SUNGAI**".

Sungai ialah satu anugerah Ilahi. Perkataan sungai dan huraian mengenai sungai serta peranan penting sungai dalam kehidupan, diulangi dalam pelbagai ayat dan surah dalam al-Quran. Kewujudan sungai tidak sahaja dikaitkan semasa kehidupan di dunia, malah sungai digambarkan mengalir indah di syurga.

Perkataan air diulang enam puluh tiga kali dalam al-Quran, tiga puluh tiga ayat al-Quran secara khusus mengisahkan penciptaan dan nikmat air. Air ialah khazanah alam yang sangat berharga dan merupakan unsur penting dalam kehidupan manusia.

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



Tubuh manusia mengandungi sekurang-kurangnya enam puluh peratus air. Tanpa air manusia dianggarkan boleh hidup tidak melebihi tujuh hari. Kesemua sel hidup memerlukan air untuk berfungsi. Firman Allah dalam ayat 45 Surah An-Nur:

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِنْ مَّاءٍ فَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَنْ عَلَى رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “Dan Allah menciptakan semua jenis haiwan dari air, maka sebahagian ada yang berjalan di atas perutnya dan sebahagian berjalan dengan dua kaki, sebahagian (yang lain) berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa yang Dia kehendaki. Sungguh Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (Surah An-Nur ayat 45)

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Sungai berperanan penting sebagai pembekal utama air tawar untuk keperluan kehidupan dunia. Sungai tidak sekadar berperanan sebagai sumber air tawar terpenting, malah sejarah membuktikan pembangunan tamadun yang hebat berlaku di kawasan-kawasan yang mengalir sungai yang besar lagi panjang. Sungai-sungai Nil, Hwang Ho, Indus, Tigris dan Eupharates, merupakan sungai-sungai yang berperanan mempengaruhi pembangunan beberapa tamadun besar dunia, di Mesir, di China, di India dan di Asia Barat. Sungai di tempat-tempat tersebut, berperanan sebagai sumber kehidupan, menyuburkan pembangunan ekonomi berasaskan pertanian, memungkinkan penciptaan teknologi berasaskan air, di samping menjanginkan perhubungan dengan merangkaikan hubungan sesama manusia.

Di Negeri Perak, terdapat sebelas lembangan sungai utama. Lembangan Sungai Perak adalah lembangan sungai terbesar yang meliputi keluasan hampir lima belas ribu kilometer persegi, menyamai tujuh puluh peratus keluasan lembangan sungai utama di Negeri Perak, dan merupakan lembangan sungai kedua terbesar di Semenanjung Malaysia. Lembangan Sungai Perak turut mencatatkan sejarah pembangunan tamadun dan pemerintahan Kesultanan Melayu Perak, terbukti dengan kewujudan makam-makam Sultan Perak terdahulu, di sepanjang tebing Sungai Perak antara Teluk Intan dengan Kuala Kangsar.

Data Jabatan Pengaliran dan Saliran, mencatatkan terdapat 900 sungai di negeri Perak yang menjadi sumber membekalkan air bagi keperluan rakyat. Alhamdulillah, berdasarkan laporan indeks kualiti air tahun 2020, terbitan Jabatan Alam Sekitar, Sungai Tapah diiktiraf sebagai sungai terbersih di Malaysia; di samping itu, Sungai Licin, Sungai Nyior dan Sungai Manong, diiktiraf antara sepuluh sungai terbersih dalam negara.



Hendaklah dijadikan azam dan tekad setiap rakyat di negeri ini untuk memastikan setiap sungai dilindungi daripada sebarang pencemaran dan mencapai tahap sungai terbersih.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan perbuatan-perbuatan yang mencemari kualiti air sungai, mengakibatkan bekalan air bersih terputus, yang menyusahkan rakyat. Urus niaga terpaksa ditutup dan isi rumah menghadapi catuan air akibat perbuatan pihak-pihak yang sangat tidak bertanggungjawab, melepaskan sisa buangan, sisa perkumuhan dan bahan kimia ke dalam saluran air atau sungai.

Islam menganjurkan manusia memperteguh hubungan dengan penciptanya, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar. Insan yang beriman kepada Allah SWT wajib menyempurnakan tanggungjawab fardu kifayah melestarikan alam sekitar, merangkumi gunung ganang, hutan dan tumbuhan, udara dan air. Melestarikan sungai merupakan tanggungjawab kemasyarakatan yang wajib dilakukan secara bersungguh, bermula dengan rasa sayang tidak akan melakukan kerosakan terhadap sungai, supaya air sungai tidak tercemar dan terjamin bersih.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Bersempena Sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat Kebangsaan pada 26 September ini, mimbar menyeru perkara-perkara berikut:

Pertama: Marilah kita mendukung tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi agar terus berusaha melestarikan khazanah alam yang tidak ternilai pentingnya kepada kehidupan manusia dengan sebaik mungkin. Contohilah semangat yang ditunjukkan oleh Cikgu Ismail Mohd Zain di Sekolah Kebangsaan FELDA Besout, secara sukarela, hampir setiap minggu berusaha membersihkan Sungai Balun daripada sampah sarap, untuk membantu pengaliran air sungai agar dapat menghindarkan banjir, malah turut membantu memelihara pelbagai jenis hidupan air untuk membiak, seterusnya memberi rezeki kepada nelayan darat. Usaha murni Cikgu Ismail sampai ke pengetahuan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan yang mengutus warkah penghargaan kepada beliau.

Kedua: Masjid, surau, sekolah, badan-badan belia, badan-badan sukarela dan persatuan penduduk hendaklah mendidik setiap rakyat, bermula daripada usia kanak-kanak untuk tidak mencemari sungai dengan langkah permulaan, berhenti membuang sampah dan kotoran ke dalam longkang, parit dan sungai.



Ketiga: Menginsafkan diri bahawa nikmat air yang kita miliki ialah anugerah Ilahi yang sementara sifatnya. Jika kita bersyukur dengan mengamalkan sifat-sifat yang selari dengan kehendak Ilahi, maka Allah SWT akan terus menganugerahkan kita dengan persekitaran kehidupan yang sejahtera; di sebaliknya jika kita bersifat zalim dengan melakukan kerosakan terhadap alam sekitar, maka kita akan ditimpa pelbagai bencana dan malapetaka berbentuk tanah runtuh, banjir, kemarau, serta air dan udara yang tercemar dan beracun.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Sekiranya kita kembali kepada matlamat kehidupan sebenar, maka bumi yang kita diami ini akan kembali aman dan tenang. Marilah kita mengurus sumber air dengan rasa penuh tanggungjawab, serta mengambil peranan masing-masing secara berhikmah dan berdedikasi. Dengan itu, umat dapat menikmati manfaat dan menambahkan ketakwaan atas kebesaran anugerah Allah SWT. Mengakhiri khutbah pertama, marilah kita merenung dan mengambil peringatan daripada firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ ﴿١١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan beroleh Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; yang demikian itu ialah kemenangan yang besar. (Surah al-Buruuj ayat 11)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ اللَّطِيفِ بِعِبَادِهِ، الْعَلِيمِ بِخَلْقِهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللَّهِ الرَّءُوفِ بِأُمَّتِهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Iarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ،
وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرْكُمُ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa Untuk Kaum Muslimin

